



## **BEBANAN HUTANG PTPTN: SOLUSI DARI PERSPEKTIF ZAKAT**

MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF  
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)  
Email: [fitri@kpbkl.edu.my](mailto:fitri@kpbkl.edu.my)

MUAZ ZAIM ALI SABRI  
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)  
Email: [dpz202126119@kpbkl.edu.my](mailto:dpz202126119@kpbkl.edu.my)

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 4<sup>TH</sup> SEPT. 2024; REVISED – 13<sup>TH</sup> FEB. 2025; ACCEPTED – 6<sup>TH</sup> MAC 2025)

### **ABSTRAK**

Pinjaman pendidikan PTPTN bertujuan membantu menjelaskan yuran pengajian di IPTA/IPTS terutama bagi pelajar yang berasal daripada keluarga dalam kumpulan asnaf atau B40. Sesuai dengan bantuan yang bersifat pinjaman, proses bayaran balik hendaklah dibuat selepas dua belas (12) bulan tamat tempoh pengeluaran pinjaman tanpa perlu menunggu notis bayaran balik. Kegagalan graduan/peminjam memulakan proses bayaran balik berpotensi mengakibatkan mereka disenarai hitam dalam laporan *Central Credit Reference Information System* (CCRIS). Hanya pelajar yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda kelas pertama layak memohon pengecualian bayaran balik pinjaman. Situasi semasa juga menyaksikan bukan semua pelajar berjaya memperolehi pekerjaan selepas menamatkan pengajian selain terpaksa bekerja dengan bayaran gaji di bawah paras kelayakan (*under paid*). Justeru dengan menggunakan kaedah temuramah informan kajian ini bertujuan mengenal pasti kewajaran mengkategorikan graduan penghutang PTPTN di bawah asnaf al-Gharimin untuk membantu mereka menjelaskan pinjaman agar tidak terjerumus ke dalam risiko yang lebih besar. Kajian mendapati bahawa takrif al-Gharimin boleh diperluas selaras dengan situasi keberhutangan semasa seperti pinjaman pendidikan. Malah telah ada instrumen membantu pelajar menjelaskan pinjaman pendidikan melalui dana zakat walaupun instrument tersebut belum menyeluruh. Kajian juga mendapati kewajaran mengkategorikan penghutang PTPTN di bawah asnaf al-Gharimin.

**Keywords:** al-Gharimin; pinjaman pendidikan; senarai hitam; pengecualian bayaran pinjaman; di bawah paras kelayakan

## PENGENALAN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menawarkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Institusi pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Secara amnya, pemohon pinjaman PTPTN mestilah terdiri daripada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma atau Sarjana Muda. Selain itu, pemohon juga mestilah warganegara Malaysia dan berumur di bawah 45 tahun. Pinjaman pendidikan PTPTN bertujuan membantu atau mengurangkan beban pelajar dalam menjangkau yuran pengajian di IPTA atau IPTS. Bantuan dalam bentuk pinjaman tersebut lebih mendesak bagi pelajar yang berasal daripada keluarga dalam kumpulan asnaf atau B40. Malah jumlah pinjaman yang diluluskan PTPTN lazimnya mengambil kira pendapatan bulanan ketua keluarga pelajar/pemohon.

Sesuai dengan bantuan yang bersifat pinjaman, proses bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN hendaklah dibuat selepas dua belas (12) bulan tamat tempoh pengeluaran pinjaman tanpa perlu menunggu notis bayaran balik. Pelepasan daripada bayaran balik hanya diberikan melalui permohonan oleh pelajar yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda kelas pertama. Hakikatnya bukan semua pelajar berjaya menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda kelas pertama serta layak memohon pengecualian bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN. Pelajar/peminjam yang menamatkan pengajian selain dari Ijazah Sarjana Muda kelas pertama tertakluk kepada bayaran balik pinjaman. Begitu juga pelajar yang mengikuti pengajian peringkat diploma yang tertakluk kepada bayaran balik.

Walau bagaimanapun, situasi semasa menyaksikan bukan semua pelajar berjaya memperolehi pekerjaan selepas menamatkan pengajian sama ada pada peringkat diploma mahupun ijazah. Keadaan ekonomi dunia yang menguncup pasca pandemik Covid 19 turut memberi kesan kepada kelembapan ekonomi Malaysia dan seterusnya memberi cabaran kepada graduan untuk memperolehi pekerjaan. Malah terdapat juga senario dimana graduan terpaksa bekerja dengan bayaran gaji di bawah paras kelayakan (*under paid*). Keadaan ini sudah tentu

menimbulkan kesukaran kepada graduan/peminjam untuk membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN kerana mereka belum memiliki kedudukan kewangan yang stabil. Keadaan lebih kritikal bagi graduan/peminjam yang berasal dari keluarga kumpulan asnaf dan B40.

Justeru instrumen yang dilihat boleh memberi harapan dan membantu graduan/peminjam yang berasal dari keluarga kumpulan asnaf dan B40 ialah zakat. Terdapat lapan (8) golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat iaitu Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Al Riqab, Fisabilillah, Al Gharimin, dan Ibnu Sabil. Namun untuk tujuan kajian ini tumpuan akan diberikan kepada asnaf Al Gharimin. Asnaf gharimin adalah golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan keluarga, tetapi tidak berupaya untuk membayarnya semula. Di antara syarat bagi golongan ini adalah hutang sudah sampai tempoh, dan perlu dijelaskan agar dapat mengelak kemudaratannya yang lebih besar daripada berlaku seperti yang dijelaskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)

### **SOROTAN LITERATUR**

Kajian oleh Syarifah Md Yusof dan Raziah Md Tahir (2015) bertujuan meneliti tiga perkara utama iaitu isu hutang dan muflis dari perspektif Islam, isu hutang dan muflis di Malaysia dan meneliti adakah tafsiran asnaf al-Gharimin bagi setiap negeri di Malaysia menyeluruh merangkumi setiap golongan yang berhak menerima zakat. Analisis kandungan berdasarkan data sekunder dijadikan kaedah utama dengan meneliti tafsiran zakat asnaf al-Gharimin di setiap negeri di Malaysia. Kajian ini mendapati tafsiran asnaf al-Gharimin adalah tidak menyeluruh dan tidak seragam antara negeri-negeri di Malaysia. Oleh itu, penambahbaikan terhadap tafsiran asnaf al-Gharimin perlu dilakukan oleh pihak yang berkaitan.

Kajian oleh Azman Ab Rahman dan rakan rakan (2022) pula bertujuan untuk menganalisis tafsiran asnaf Gharimin menurut 4 Mazhab, tafsiran kontemporari dan perluasan tafsirannya dalam konteks pandemik. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi, pemerhatian dan analisis dalam mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pentafsiran asnaf gharimin dalam konteks pandemik boleh diperluaskan kepada peniaga yang terjejas sumber pendapatannya sehingga tidak mampu membayar balik hutang dan mereka yang perlu melangsaikan hutang dengan segera.

Siti Fariza Muhd. Faisal dan rakan-rakan (2016) melakukan kajian berhubung Kedudukan Mangsa Banjir Sebagai Penerima Zakat. Kajian tersebut bertujuan menilai kedudukan mangsa banjir sebagai penerima zakat selain mencadangkan skim bantuan yang sesuai untuk diberikan kepada mangsa banjir sekiranya mereka berhak menerima zakat. Hasil kajian mendapati bahawa mangsa banjir layak menerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf al-Gharimin menepati syarat sebagai penerima zakat. Implikasi kajian memberikan garis panduan kepada institusi zakat dalam menyediakan bantuan kepada mangsa banjir. Kajian lanjutan boleh dilakukan dalam mengenalpasti keberkesanan skim bantuan yang diberikan kepada mangsa banjir.

Mohd Faisal Ibrahim dan Muhammad Sahrim (2019) meninjau Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan al-Gharimin di Malaysia. Kajian tersebut bertujuan untuk menganalisis keberkesanan agihan zakat dalam mengekang keberhutangan al-Gharimin di Malaysia. Kajian tersebut mendapati golongan muda menyumbang angka yang agak tinggi dalam kes kebangkrutan. Golongan muda relatifnya menyumbang kepada bilangan besar kes muflis. Kajian tersebut juga mendapati keberhutangan dalam kalangan Muslim adalah tidak dapat dielakkan. Lazimnya individu berhutang untuk memenuhi keperluan asas seperti pembelian rumah dan kereta pertama. Dalam hal ini, peranan institusi zakat dalam mengagihkan zakat kepada golongan al-Gharimin adalah amat signifikan terutamanya dalam mengekang hutang penghutang yang melibatkan keperluan asas bersifat darurat.

Ahmad Fahme Mohd Ali dan Mohd Faisal Ibrahim (2018) melakukan Perbandingan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Membantu Golongan al-Gharimin Oleh LZS dan Baitulmal MAIWP. Kajian tersebut bertujuan membandingkan agihan zakat untuk golongan al-Gharimin yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Baitulmal-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Kajian tersebut menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan kajian perpustakaan. Kajian mendapati bahawa wujud beberapa perbezaan berkaitan skim agihan zakat yang ditawarkan oleh LZS dan Baitulmal-MAIWP. Kajian juga mendapati keseragaman kaedah agihan zakat kepada golongan asnaf al-Gharimin perlu dilaksanakan agar lebih ramai golongan asnaf al-Gharimin yang masih belum dikenal pasti dapat dibantu khususnya golongan yang berhutang kerana ingin

mendapatkan keperluan asas (dharuriyyat) seperti makanan, pakaian dan kediaman.

Sorotan mendapati bahawa tafsiran asnaf al-Gharimin adalah tidak menyeluruh dan tidak seragam dan pentafsiran asnaf Gharimin boleh diperluas meliputi konteks pandemik dan musibah seperti banjir. Sorotan juga menunjukkan bentuk bantuan yang diagihkan kepada asnaf al-Gharimin adalah berbeza khususnya dalam konteks LZS dan Baitulmal MAIWP serta menuntut keseragaman.

### **PENYATAAN MASALAH**

Dalam konteks graduan/penghutang pinjaman pendidikan PTPTN, kegagalan memulakan proses bayaran balik antara lain berpunca daripada kegagalan memperoleh pekerjaan atau bekerja dengan pendapatan di bawah paras kelayakan (*under paid*). Kesan lebih dirasai bagi graduan/peminjam yang berasal dari keluarga kumpulan asnaf atau B40 yang bergelut dengan komitmen kewangan untuk kelangsungan hidup. Namun kegagalan graduan/peminjam memulakan proses bayaran balik berpotensi menjurus mereka kepada mudharat yang lebih besar. Antara tindakan yang diambil terhadap peminjam yang gagal membuat bayaran balik atau mempunyai tunggakan pinjaman PTPTN adalah disenarai hitam dalam laporan *Central Credit Reference Information System (CCRIS)*. Penyenaraian ini akan menyebabkan kualiti laporan kredit graduan/peminjam terjejas. Selain itu, penghutang PTPTN akan disenarai hitam oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Implikasinya, graduan/peminjam akan dihalang dari ke luar negara, tidak boleh memperbaharui passport atau memohon pasport baru.

Risiko-risiko kegagalan membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN, disenarai hitam dan dihalang dari ke luar negara adalah mudarat yang bakal ditanggung oleh penghutang PTPTN. Walaupun melalui pembentangan Bajet 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif penangguhan bayaran balik sehingga 6 bulan (bermula 1 Mac 2023 hingga 30 September 2023) bagi graduan/peminjam yang bekerja dengan pendapatan di bawah RM1800 sebulan dan tawaran diskaun sehingga 20% kepada peminjam yang menyelesaikan bayaran pinjaman, inisiatif lain perlu dikemukakan untuk membantu meringankan beban graduan/peminjam khususnya mereka yang dari kalangan keluarga kumpulan asnaf dan B40. Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti kewajaran mengkategorikan graduan penghutang PTPTN di bawah asnaf al

Gharimin supaya bantuan zakat boleh dimanfaatkan untuk membantu menjelaskan pinjaman, agar tidak terjerumus ke dalam risiko yang lebih besar ketika tahap awal kehidupan bekerjaya mereka.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temuramah. Temuramah dilaksanakan secara atas talian. Informan temuramah merupakan Penolong Pengurus Seksyen Keurusetiaan Bahagian Agihan Zakat Majlis agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Informan dipilih memandangkan beliau bertanggungjawab sebagai Urusetia Mesyuarat Majlis yang memutuskan dasar-dasar yang berkaitan dengan agihan zakat di Wilayah Persekutuan. Data-data temuramah yang diperolehi dianalisis secara tematik.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Takrif al-Gharimin dan skim bantuan menurut MAIWP

Hasil temu ramah yang dijalankan, informen menjelaskan bahawa berdasarkan Buku Agihan Zakat MAIWP 2023 yang diluluskan dalam mesyuarat MAIWP ke-162 Bil. 1/2023 yang bersidang pada 22 Februari 2023, tafsiran al-Gharimin berdasarkan dasar yang berkuatkuasa di MAIWP adalah sepertimana berikut:

*“Golongan yang berbutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat serta individu yang ditimpa musibah dan hutang yang dibenarkan oleh hukum Syarak.”*

Sehubungan dengan tafsiran al-Gharimin di atas, MAIWP menetapkan bahawa peruntukan dana agihan al Gharimin digunakan untuk (16) enam belas bantuan sepertimana berikut:

1. Bantuan Guaman Syarie

Skim Bantuan Guaman Syarie bertujuan asnaf fakir, miskin dan muallaf yang menghadapi masalah dalam pendakwaan atau tuntutan kes di mahkamah syariah bagi kes-kes tertentu dan bayaran akan dibuat secara Electronic Fund Transfer (EFT) kepada syarikat Guaman.

2. Bantuan Musibah

Skim Bantuan Musibah bertujuan untuk membantu meringankan beban golongan yang ditimpa musibah seperti ribut, kebakaran, banjir, tanah runtuh, kemalangan jiwa sama ada di darat, udara atau laut yang mengakibatkan kehilangan anggota keluarga - kecurian atau rompakan dan seumpamanya. Tambahan pula, bayaran akan dibuat secara Electronic Fund Transfer (EFT) ke akaun pemohon.

3. Bantuan Membina dan Membaiki Rumah

Skim Bantuan Membina dan Membaiki Rumah bertujuan membantu asnaf fakir, miskin dan muallaf dari segi kewangan bagi kos membaiki rumah dan membina sebuah rumah.

4. Bantuan Menyelesaikan Hutang

Skim Bantuan Menyelesaikan Hutang bertujuan membantu mereka yang mempunyai tanggungan hutang akibat daripada aktiviti memenuhi keperluan asasi dan bayaran akan dibuat secara Elektronik Fund Transfer (EFT) ke akaun pemberi hutang.

5. Bantuan Insentif Khas

Skim Bantuan Insentif Khas bertujuan meringankan beban untuk tidak menanggung bebanan yang berat.

6. Bantuan Perniagaan

Skim Bantuan Perniagaan bertujuan membantu peniaga-peniaga yang telah memulakan perniagaan atau modal tambahan bagi menjana pendapatan golongan asnaf.

7. Bantuan Pertanian/ Perikanan/ Penternakan

Skim Bantuan Pertanian/ Perikanan/ Peternakan Skala Kecil bertujuan membantu asnaf fakir, miskin dan muallaf yang ingin berdikari dengan menjalankan perniagaan secara kecil - kecilan bagi mempertingkatkan taraf ekonomi. Kadar bantuan adalah sebanyak RM 5,000.00 dan ke

bawah. Bantuan diberikan dalam bentuk modal pusingan. Bayaran akan dibuat secara Elektronik Fund Transfer (EFT) ke akaun pemohon.

8. Bantuan Pembelian Kenderaan dan Perkhidmatan

Skim Bantuan Pembelian Kenderaan dan Perkhidmatan bertujuan membantu asnaf membeli van atau bas sekolah bagi menjana pendapatan dan perkhidmatan sebagai pengusaha van/bas sekolah.

9. Bantuan Motosikal Orang Kurang Upaya (OKU)

Skim Bantuan Motosikal Orang Kurang Upaya (OKU) bertujuan memberi keperluan motosikal kepada OKU yang tidak berkemampuan dari segi ekonomi untuk menjalankan perniagaan bagi menyara kehidupan dan memudahkan perjalanan. Bayaran bagi bantuan ini akan dibuat secara Elektronik Fund Transfer (EFT) terus ke akaun syarikat pengeluar motosikal.

10. Bantuan Perubatan Am

Skim Bantuan Perubatan Am bertujuan meringankan beban kewangan dalam mendapatkan rawatan seperti susu kesihatan, lampin pakai buang, ubat-ubatan, pembedahan dan lain-lain lagi dan bayaran akan dibuat secara Elektronik Fund Transfer (EFT) kepada pusat perubatan atau pembekal selepas pemohon menerima rawatan.

11. Bantuan Peralatan Kesihatan

Skim Bantuan Peralatan Kesihatan bertujuan meringankan beban kewangan dalam mendapatkan peralatan kesihatan dan bayaran akan dibuat secara Elektronik Fund Transfer (EFT) kepada pusat perubatan atau pembekal selepas pemohon menerima rawatan.

12. Bantuan Dialisis

Skim Bantuan Dialisis bertujuan meringankan beban kewangan dalam mendapatkan rawatan dialisis dan bayaran akan dibuat secara Elektronik Fund Transfer (EFT) kepada pusat perubatan atau pembekal selepas pemohon menerima rawatan.



13. Bantuan Orang Kelainan Upaya (OKU)  
Skim Bantuan Orang Kelainan Upaya (OKU) bertujuan membantu golongan OKU menjalani kehidupan yang lebih teratur.
14. Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan  
Skim Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan bertujuan untuk meringankan graduan dari bebanan untuk membayar balik pinjaman.
15. Bantuan kepada Agensi / badan Bukan Kerajaan (NGO)  
Skim Bantuan Kepada Agensi / Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan bantuan disalurkan kepada agensi - agensi kebajikan (NGO) dan institut Pendidikan yang memerlukan dana kewangan.
16. Bantuan Institut Tahfiz dan Rumah Perlindungan  
Skim Bantuan Institut Tahfiz dan Rumah Perlindungan bertujuan memberi bantuan kepada pelajar - pelajar di semua peringkat pengajian, imam - imam masjid atau surau yang dilantik MAIWP serta individu yang menghafaz Al-Quran manakala untuk rumah perlindungan menyediakan sumber kewangan kepada agensi agensi yang berkaitan bagi menjalankan aktiviti dakwah dan kebajikan. bayaran akan dibuat secara Elektronik Fund Transfer (EFT) ke akaun pemohon dan pertubuhan.

Daripada 16 bantuan yang dinyatakan di atas, turut tersenarai adalah Bantuan Menyelesaikan Hutang seperti pada perkara 4. Bantuan menyelesaikan hutang tersebut bertujuan membantu mereka yang mempunyai tanggungan hutang akibat daripada aktiviti memenuhi keperluan asasi. Analisis keberhutangan dalam kalangan isi rumah muslim menurut kajian yang dilaksanakan oleh Nor Aini Ali (2016) menyenaraikan jenis hutang yang utama antaranya pinjaman kereta, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi, pinjaman pendidikan, kad kredit, pinjaman Amanah Saham Bumiputra, pinjaman hartanah dan pinjaman perniagaan. Senarai jenis hutang yang pelbagai ini berpotensi menenggelamkan hutang yang disebabkan pinjaman pendidikan khususnya hutang PTPTN walaupun Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan turut tersenarai pada perkara 14.

### **Perluasan Tafsiran al-Gharimin MAIWP**

Berdasarkan maklumbalas informan, tafsiran al-Gharimin yang digunakan oleh MAIWP adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang dipengurusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan. Penambahbaikan dari semasa ke semasa adalah pada skim-skim bantuan yang boleh menggunakan dana al-Gharimin untuk membantu keperluan masyarakat. Ini bermakna tafsiran al-Gharimin boleh diperluas dengan mengambil kira atau memasukkan kes-kes keterhutangan terkini bagi memenuhi keperluan asas diri dan keluarga atau tanggungan. Tafsiran al-Gharimin tidaklah bersifat jumud. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Azman Ab Rahman dan rakan rakan (2022) yang menegaskan bahawa pentafsiran asnaf al-Gharimin dalam konteks pandemik yang boleh diperluaskan kepada peniaga yang terjejas sumber pendapatannya sehingga tidak mampu membayar balik hutang dan mereka yang perlu melangsaikan hutang dengan segera.

### **Bantuan Penyelesaian Pembayaran Pendidikan**

Setakat ini, MAIWP menawarkan Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan bagi asnaf Fakir dan Miskin yang menetap di Wilayah Persekutuan. Bantuan ini terbuka kepada pelajar lepasan Diploma yang mengambil pengajian sepenuh masa di IPT, memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.5 ke atas setelah tamat pengajian dan permohonan mestilah dibuat dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh tamat pengajian. Ini bermakna graduan yang menamatkan pengajian dengan PNGK 3.5 dan ke atas serta membiayai pengajian melalui pinjaman PTPTN, Baitulmal MAIWP akan membantu menyelesaikan pinjaman tersebut.

**Jadual 1: Bantuan/Kemudahan Bayaran Balik Pinjaman PTPTN**

<b>Peminjam PTPTN</b>	<b>Bantuan/Kemudahan</b>
Graduan Diploma begraduat dengan PNGK 3.5 dan ke atas	Bayaran balik oleh Baitulmal MAIWP bagi asnaf fakir, miskin dan permaustatin Wilayah Persekutuan

Graduan Sarjana Muda begraduat dengan PNGK 3.5 dan ke atas	Permohonan pengecualian bayaran balik pinjaman daripada PTPTN
--	---

Seperti yang dijelaskan dalam jadual di atas, praktis semasa memperuntukan dua jenis bantuan/kemudahan bayaran balik pinjaman PTPTN yang kedua-duanya mensyaratkan graduan begraduat dengan memperolehi PNGK 3.5 dan ke atas sama ada pada peringkat diploma mahupun sarjana muda. Bantuan peringkat diploma hanyalah dikhaskan kepada asnaf Fakir dan Miskin yang menetap di Wilayah Persekutuan sahaja. Ini bermakna bantuan/kemudahan bayaran balik pinjaman PTPTN masih tidak menyeluruh. Graduan diploma mahupun sarjana muda yang begraduat dengan CGPA 2.00 hingga 3.49 tidak menikmati apa-apa bantuan/kemudahan bayaran balik pinjaman PTPTN walaupun mereka berasal daripada keluarga asnaf (Fakir dan Miskin) atau B40.

Dari satu sudut yang lain, walaupun bantuan/kemudahan bayaran balik pinjaman PTPTN melalui dana zakat masih belum menyeluruh, namun inisiatif yang ditunjukkan oleh Baitulmal MAIWP dengan menyediakan bantuan/kemudahan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada asnaf fakir, miskin dan pemastautin Wilayah Persekutuan yang menamatkan diploma dengan PNGK 3.5 dan ke atas merupakan satu langkah permulaan yang baik. Baitulmal MAIWP dilihat terkehadapan dalam soal bantuan kepada penghutang pinjaman pendidikan PTPTN.

Dalam konteks bantuan/pembiayaan pendidikan IPTA/S, kesemua institusi zakat di Malaysia menyediakan peruntukan yang besar untuk bantuan/pembiayaan pendidikan sama ada berupa bantuan awal dan/atau bantuan yuran pengajian dan sara diri. Bantuan tersebut tertakluk kepada syarat, jumlah dan kouta yang ditetapkan oleh institusi masing-masing yang sudah pasti dipengaruhi oleh saiz dana zakat yang dimiliki. Justeru pelajar perlu memohon dengan mengisi borang permohonan khusus dan hanya permohonan yang berjaya akan dibantu (Nazri et al., 2012).

Tumpuan institusi zakat di Malaysia terhadap bantuan pendidikan kepada golongan asnaf bermatlamat mengeluarkan asnaf daripada belunggu kemiskinan. Hal ini kerana pendidikan yang baik dilihat sebagai kaedah untuk golongan asnaf memperbaiki taraf kehidupan masing-masing dan seterusnya merapatkan kesenjangan antara golongan kaya dan miskin. Pendekatan serupa

turut dilaksanakan di Indonesia – antara negara dengan populasi Umat Islam terbesar di dunia. Penggunaan dana zakat untuk pembangunan pendidikan dilihat sebagai strategi dan langkah yang tepat kerana pendidikan dapat memberikan penyelesaian kepada kemiskinan di Indonesia. Lebih-lebih lagi, kemahiran insaniah, pendidikan dan kemahiran lain dapat menyediakan pelajar untuk terus memasuki alam pekerjaan (Rodhiyana, M. 2024). Sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia, bantuan pendidikan melalui dana zakat diberikan kepada asnaf Fakir, Miskin dan Fisabilillah. Bantuan pendidikan melalui penyelesaian hutang/pinjaman pendidikan di bawah asnaf al-Gharimin masih baru serta belum diteroka secara meluas.

### **Kewajaran Mengkategorikan Penghutang PTPTN Dibawah asnaf al-Gharimin**

Informan temu ramah berpandangan bahawa penghutang PTPTN wajar dimasukkan di bawah asnaf al-Gharimin sekiranya menepati syarat yang ditetapkan bawah Hukum Syarak. Tambahan pula menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, di Wilayah Persekutuan, pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menggariskan syarat khusus bagi jenis-jenis hutang yang dibenarkan untuk menerima bantuan zakat. Antara lain hutang yang dilakukan adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan asas merangkumi keperluan makanan, perubatan, pendidikan, perlindungan (rumah kediaman), pakaian dan pengangkutan. Keutamaan bantuan penyelesaian hutang adalah kepada golongan fakir, miskin dan muallaf.

Dalam konteks penghutang PTPTN khususnya yang berasal dari keluarga B40/asnaf, pinjaman (hutang) dilakukan adalah untuk memenuhi keperluan asas pendidikan dengan maksud mencapai taraf pendidikan yang lebih baik dan berkualiti. Pendidikan berkualiti disenarai pada kedudukan ke empat selepas sifar kemiskinan, sifar kelaparan dan kesihatan & kesejahteraan yang baik di bawah *Sustainable Development Goals* (SDG) atau Matlamat Pembangunan Mampan. SDG adalah merupakan rangka tindakan untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan untuk semua. Tambahan pula, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, pendidikan yang baik merupakan kaedah atau strategi yang dapat memberikan penyelesaian kepada kemiskinan dan peningkatan taraf hidup. Justeru adalah wajar penghutang PTPTN ini dikategorikan di bawah asnaf al-Gharimin.

## KESIMPULAN

MAIWP mendefinisikan al-Gharimin adalah golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat serta individu yang ditimpa musibah dan hutang yang dibenarkan oleh hukum Syarak. Malah MAIWP menyediakan 16 skim bantuan di bawah asnaf al-Gharimin. Takrif al-Gharimin boleh diperluaskan dengan mengambil kira isu keberhutangan terkini seperti hutang PTPTN yang jelas bertujuan untuk pendidikan. Pendidikan pula adalah strategi dalam menyelesaikan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup. Tambah mendesak apabila PTPTN mendedahkan lebih setengah juta peminjam tidak pernah melunaskan walau satu sen pun pinjaman pelajaran mereka dan hampir 97% daripadanya adalah populasi mahasiswa B40 (Masyitah Abdul Rahman dan rakan-rakan, 2023). Walaupun terdapat bantuan/kemudahan yang disediakan kepada graduan penghutang PTPTN untuk menyelesaikan hutang, namun bantuan/kemudahan tersebut tidak menyeluruh. Justeru adalah wajar institusi zakat di Malaysia mengkategorikan penghutang PTPTN di bawah asnaf al-Gharimin agar bantuan lebih menyeluruh dapat diberikan. Pengkategorian penghutang PTPTN di bawah asnaf al-Gharimin boleh dilakukan dengan meletakkan kriteria tertentu, antaranya penghutang PTPTN berasal daripada keluarga Fakir, Miskin dan Muallaf; mencatatkan pencapaian akademik yang memuaskan sepanjang tempoh pengajian (sekurang-kurangnya PNGK 2.5 dan ke atas serta tidak mengulang kursus dan tamat dalam tempoh ditetapkan; tidak melakukan kesalahan tatatertib dan/atau kesalahan jenayah sepanjang tempoh pengajian serta aktif dalam aktiviti kelab/persatuan/kemasyarakatan.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah membantu dalam menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

## RUJUKAN

Azman Ab Rahman, Wahida Lokman, Muhammad Firdaus, Hussein 'Azeemi (2022) Perluasan Tafsiran Asnaf Gharimin Dalam Konteks Pandemik Di Malaysia. *Al Qanadir International Journal of Islamic Studies* 27(2), 153-163  
*Buku Agihan Zakat MAIWP*. (2023, February 22).

- Buku Panduan Proses Permohonan Skim-Skim Bantuan Zakat Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
- Masyitah Abdul Rahman dan rakan-rakan (2023) Zakat Model in PTPTN Financing Scheme – A Conceptual Study. *Labuan e Journal of Muamalat and Society* 17(1), 33-44
- Md Tahir, Raziah and Md Yusof, Syarifah (2014) Status Individu Muflis Dalam Asnaf al-Gharimin. *International Journal of Business and Technopreneurship* 4(3), 477-494
- Md Tahir, Raziah and Md Yusof, Syarifah (2015) Analisis Tafsiran Asnaf al-Gharimin di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 22(2015), 81-100.
- Mohd Faisol Ibrahim & Muhammad Sahrin (2019), Peranan Agihan Zakat sebagai Alat Kewangan Sosial Islam bagi Melangkaikan Hutang Golongan Al-Gharimin di Malaysia. *Labuan e Journal of Muamalat and Society*, 13(2019), 45-53
- Mohd Faisol Ibrahim (2020), Perbandingan Agihan Zakat sebagai Alat Kewangan Sosial Islam bagi Membantu Golongan Al-Gharimin oleh LZS dan Baitulmal MAIWP. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 3(2), 1-11.
- Nazri, F. A. A., Rahman, R. A., & Omar, N. (2012). Zakat and Poverty Alleviation: Roles of Zakat Institutions in Malaysia. *International Journal of Arts and Commerce*, 1(7), 61-72.
- Nor Aini Ali (2016), *Keberhutangan Dalam Kalangan Isi Rumah Muslim Dan Peranan Institusi Zakat Di Malaysia. Menelurusi Isu-isu Kntemporari Zakat. Kuala Lumpur*. Pusat Pungutan Zakat (PPZ)
- Siti Fariza, Azman Ab. Rahman, Sanep Ahmad Dan Hairunnizam Wahid (2016) Kedudukan Mangsa Banjir Sebagai Penerima Zakat. *Journal Of Fatwa Management and Research*, 8(1), 109-123.

### Sumber elektronik

- Asnaf Al-Gharimin, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang, ([https://reports.muiip.gov.my/zakatportal/?page\\_id=3131](https://reports.muiip.gov.my/zakatportal/?page_id=3131).)
- Asnaf Al-Gharimin. Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (e zakat) ([https://reports.muiip.gov.my/zakatportal/?page\\_id=3131](https://reports.muiip.gov.my/zakatportal/?page_id=3131).)

- Golongan Penerima Zakat. Majlis Agama Islam Melaka, Pusat Islam Melaka (<https://www.maim.gov.my/index.php/ms/agihan-zakat/golongan-penerima-zakat>)
- Irsyad Al-Fatwa Ke-131: Al-Gharimin di dalam Asnaf Zakat. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1234-irsyad-al-fatwa-ke-131-al-gharimin-di-dalam-asnaf-zakat>)
- Rodhiyana, M. (2024, May 7). Empowering Zakat to Improve the Quality of Education in Indonesia. Indonesian Conference of Zakat - Proceedings, 669-676. Retrieved from <https://www.iconzbaznas.com/submission/index.php/proceedings/article/view/668>
- Senarai Skim Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP (Majlis Agama Islam WP) (<https://www.permohonan.my/senarai-skim-bantuan-zakat-baitulmal-maiwp/#jenis-skim-bantuan-zakat-baitulmal-maiwp>)
- Penerima & Kriteria Penerimaan Zakat. Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (<https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/penerima-kriteria-penerimaan-zakat>)
- Senarai IPTA & ILKA. Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi ([https://online.mobe.gov.my/epanduan/senarai\\_Agensi](https://online.mobe.gov.my/epanduan/senarai_Agensi))
- Senarai-Senarai Institusi Di Pengajian Tinggi Swasta(IPTS). (<https://biasiswa.mobe.gov.my/sukan/doc/SENARAI%20INSTITUSI%20PENGAJIAN%20TINGGI%20SWASTA.pdf>)
- Syarat Wajib Zakat. Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (<https://www.zakat.com.my/info-zakat/syarat-wajib-zakat/>)